

04/09/1999

Malaysia negara Islam termaju

Rasid Rahaman; Nasir Hassan

PASIR PUTEH, Jumaat -Malaysia akan muncul sebagai sebuah negara Islam termaju di kalangan negara yang menganggotai Pertubuhan Negara Islam (OIC), kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata, ini adalah hasil keberkesanan pelbagai dasar dan pendekatan yang diperkenalkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika negara menghadapi pelbagai cabaran, termasuk kegawatan ekonomi.

Katanya, usaha itu akan menjadi kenyataan jika rakyat mampu mengekalkan pemerintahan demi kestabilan politik dan ekonomi negara.

"Dengan dasar dan pendekatan yang kita ambil dalam segenap bidang, termasuk ekonomi dan perkembangan syiar Islam, insya-Allah kita akan menjadi negara Islam termaju di antara negara yang menganggotai OIC," katanya berucap di hadapan ribuan rakyat pada majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Dewan Majlis Daerah, di sini, hari ini.

Hadir sama ialah, Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed, yang juga Menteri Kewangan Kedua; Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa; Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Ibrahim Ali dan Speaker Dewan Negara, Tan Sri Mohamed Yaacob.

Abdullah berkata, dalam pemulihan ekonomi negara, semua pihak harus meneruskan usaha yang lebih aktif lagi bagi memenuhi matlamat kerajaan menerusi Wawasan 2020.

Beliau berkata, pelbagai usaha lagi sedang dan akan dilaksanakan oleh kerajaan yang mengamalkan dasar demokrasi untuk kepentingan rakyat sebagaimana yang dijanjikan.

"Kita bukan mereka-reka rancangan sekadar hendak menghadapi pilihan raya dan bukan saja aktif apabila tiba musim pilihan raya. Malah, kerajaan BN tidak pernah memungkiri janji," katanya.

Mengenai Majlis Pemimpin Bersama Rakyat, katanya, pihak tertentu tidak harus mempertikaikan langkah kerajaan melaksanakan program itu, kerana ia diadakan sejak dulu lagi.

Abdullah juga kesal ada pihak tertentu mahu melihat negara menghadapi masalah apabila dasar sekatan ekonomi yang dilaksanakan tamat tempohnya pada 1 September lalu.

"Sepatutnya mereka berdoa supaya negara meneruskan usaha bagi mencapai kejayaan hasil pelbagai dasar yang dilaksanakan kerajaan. Bukankah itu cara kita orang Islam?"

"Sebagai orang Islam, kita hendaklah mengutamakan muafakat. Apakah Umno hari ini tidak berjasa kepada Islam?" katanya.

Beliau berkata, walaupun Umno bukan nama sebuah parti Islam dan dianggap nasionalisme, tetapi melalui parti itu juga rakyat dapat mengecapi hidup dalam negara dengan aman dan bahagia.

"Walaupun kita digelar sebagai parti nasionalisme tetapi parti inilah yang dapat membela agama, bangsa dan negara. Banyak jasa kita dalam usaha meninggikan syiar Islam," katanya.

Beliau menarik perhatian terhadap berapa banyak negara yang sudah merdeka tetapi masih daif, kurang pembangunan dan kadang kala terpaksa tunduk kepada tekanan pihak lain kerana terikat dengan syarat pinjaman Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

"Bagaimanapun, kita tidak pernah menghadapi masalah itu. Kita tidak ditekan mana-mana pihak untuk memaksa kita tunduk kepada kehendak mereka, kerana kita berjaya membuktikan dengan cara dan pendekatan sendiri.

"Ekonomi yang begitu gawat masih boleh dipulihkan. Hari ini, mereka yang pernah mengatakan kepada kita sekarang mengakui cara yang diperkenalkan Dr Mahathir itu mujarab dan membebaskan sistem ekonomi. Ini yang patut kita rasa bahagia.

"Ini juga yang dikatakan kebebasan politik dan ekonomi yang ada pada kita," katanya.

(END)